



# **MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

## **PANDUAN PENDAFTARAN CALON**

### **SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2019**

**UNTUK  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI/  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH/  
SEKOLAH/INSTITUSI**

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
BANDAR BARU SELAYANG**

**TARIKH KEMASKINI: 30 APRIL 2018**



**ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN CALON  
PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2019**

**Isi Kandungan**

	<b>Halaman</b>
1. Tarikh-tarikh Penting Pendaftaran STPM 2019 (Semester 1, Semester 2, dan Semester 3)	3
2. Syarat kelayakan untuk Menduduki Peperiksaan	5
3. Mata Pelajaran yang Ditawarkan	6
4. Pemilihan Mata Pelajaran	7
5. Kerja Kursus (KK)	7
6. Bayaran Peperiksaan	8
7. Cara Pendaftaran Calon Peperiksaan	9
7.1 Calon sekolah/institusi	
7.2 Calon persendirian individu	
8. Calon Berkeperluan Khas	11
9. Tarikh Pendaftaran dan Tarikh Peperiksaan	11
10. Perkara Penting Tentang Peperiksaan STPM	12
10.1 Penyata Pendaftaran STPM (STPM/PP)	
10.2 Slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC)	
10.3 Menukar kertas atau Mata Pelajaran atau Menambah Mata Pelajaran	
10.4 Perpindahan Pusat Peperiksaan	
10.5 Penarikan Diri	
10.6 Penangguhan Peperiksaan	
11. Jadual Waktu Peperiksaan	15
12. Keputusan Peperiksaan	15
13. Rayuan Semak Semula Keputusan Peperiksaan	16
14. Peluang Memperbaiki Keputusan	16
15. Pendaftaran Lewat	17
16. Sijil	18

**1. TARIKH-TARIKH PENTING PENDAFTARAN CALON STPM 2019  
(Semester 1, Semester 2, dan Semester 3)**

Bil.	Tarikh bagi jenis calon		Perkara
	Sekolah/Institusi (Calon jenis 1, 2, 7, dan 8)	Persendirian Individu (Calon jenis 3)	
1	7-21 Mei 2018#	7-21 Mei 2018#	Taklimat oleh Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pendidikan Negeri (KSPP JPN)/Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) kepada pihak sekolah/institusi tentang pendaftaran calon sekolah/institusi secara <i>online</i> melalui <a href="http://www.mpm.edu.my">http://www.mpm.edu.my</a> atau <a href="http://online.mpm.edu.my">http://online.mpm.edu.my</a>
2	21 Mei 2018	21 Mei 2018	Pendaftaran calon sekolah/institusi, calon sekolah swasta, dan calon persendirian individu bagi peperiksaan STPM 2019 secara <i>online</i> <b>dibuka</b> .
3	16 Julai 2018	16 Julai 2018	Pendaftaran calon sekolah/institusi, calon sekolah swasta, dan calon persendirian individu bagi peperiksaan STPM 2019 secara <i>online</i> <b>ditutup</b> .
4	23 Julai 2018	23 Julai 2018	Penghantaran borang Maklumat Calon Berkeperluan Khas Dari Segi Penglihatan (Buta) ( <b>STPM/K11.1</b> ) dan borang Maklumat Calon Berkeperluan Khas Dari Segi Penglihatan (Rabun), Anggota/Spastik, Pertuturan (Sengau), Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [ <b>STPM/K13(Pindaan 2006)</b> ] oleh KSPP JPN ke MPM.
5	30 Julai 2018	30 Julai 2018	Tarikh akhir KSPP JPN mengesahkan Senarai Pusat Peperiksaan [STPM/K9(JPN)] secara <i>online</i> dengan memastikan perkara yang berikut.  (a) Tiada pusat dan calon yang tercicir (b) Mengenal pasti sekolah/institusi yang belum menjelaskan yuran pendaftaran untuk dimaklumkan kepada MPM (c) Mengenal pasti pusat yang ingin melanjutkan tempoh pendaftaran dan memaklukkannya kepada MPM (d) Maklumat Calon Berkeperluan Khas dari segi Penglihatan (Buta) ( <b>STPM/K11.1</b> ) diterima (jika ada).

# Tempoh dan keperluan untuk mengadakan taklimat adalah tertakluk kepada keputusan JPN

Bil	Tarikh bagi jenis calon		Perkara
	Sekolah/Institusi (Calon jenis 1, 2, 7, dan 8)	Persendirian Individu (Calon jenis 3)	
			(e) Maklumat Calon Berkeperluan Khas dari Segi Penglihatan (Rabun), Anggota/Spastik, Pertuturan (Sengau), Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [STPM/K13(Pindaan 2006)] diterima (jika ada).
6	14 September 2018*	14 September 2018*	Tarikh akhir permohonan untuk menukar mata pelajaran, tambah mata pelajaran, dan menggugurkan mata pelajaran.
7	5 Oktober 2018*	5 Oktober 2018*	Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) Semester 1 (P1) dimuatnaik ke portal MPM, <a href="http://www.mpm.edu.my">http://www.mpm.edu.my</a> untuk disemak dan dicetak oleh Setiausaha Peperiksaan (SUP) Sekolah/Institusi.
8	11 Oktober 2018*	11 Oktober 2018*	Penghantaran Rumusan Kemasukan Calon (RKC/P) P1 dan slip meja oleh MPM ke Jabatan Pendidikan Negeri.
9	13 Oktober 2018*	13 Oktober 2018*	Tarikh <b>tutup</b> permohonan perpindahan pusat peperiksaan (tidak termasuk bagi calon yang gagal memasuki IPTA).
10	19 Oktober 2018*	19 Oktober 2018*	Tarikh akhir SUP sekolah/institusi mengemukakan salinan pembetulan maklumat calon dalam LPKC P1 kepada MPM (tertakluk kepada tarikh LPKC P1 dimuat naik ke portal MPM).
11	29 Oktober 2018	29 Oktober 2018	Tarikh akhir KSPP JPN menghantar STPM/K12 (Senarai Pegawai Pengawasan STPM ke MPM).

\* Perubahan tarikh tertakluk kepada pindaan

## 2. SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN STPM

- 2.1 Calon yang mempunyai satu daripada kelayakan yang berikut, termasuk lulus Bahasa Melayu\* dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), layak menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).
- (a) Sijil Pelajaran Malaysia tahun 1999 atau tahun-tahun sebelumnya
  - (b) Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional)
  - (c) *Malaysia Certificate of Education*
  - (d) *Federation of Malaya Certificate of Education*
  - (e) *Cambridge School Certificate*
  - (f) GCE/SAP (Malaysia atau *Cambridge* dengan **tiga** kelulusan peringkat biasa\*\* yang diperoleh dalam satu peperiksaan)
  - (g) Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2000 hingga tahun 2017 yang diperoleh dalam satu peperiksaan dengan mendapat
    - (i) sekurang-kurangnya gred C bagi **tiga** mata pelajaran, **atau**
    - (ii) sekurang-kurangnya gred C bagi **dua** mata pelajaran dan lulus **empat** mata pelajaran
- 2.2 Calon yang mempunyai kelayakan seperti yang disenaraikan dalam para 2.1 di atas mestilah memperoleh kelayakan itu sekurang-kurangnya **satu** tahun sebelum mengambil peperiksaan STPM.
- 2.3 Calon yang mempunyai mana-mana kelayakan luar negeri yang setaraf dengan SPM hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran untuk mengambil peperiksaan STPM daripada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

---

**Catatan:** \* Calon yang memenuhi syarat (g) tetapi gagal Bahasa Melayu atau Sejarah boleh menggunakan keputusan lulus Bahasa Melayu atau Sejarah yang diambil dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan. Calon yang berasal dari luar negara dikecualikan daripada syarat lulus Bahasa Melayu peringkat peperiksaan SPM.

\*\* Kelulusan peringkat biasa GCE/SAP bermakna kepujian pada peringkat SPM/MCE.

### 3. MATA PELAJARAN YANG DITAWARKAN

Sebanyak 22 mata pelajaran ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2019, seperti yang disenaraikan di bawah ini.

<i>Bil.</i>	<i>Kod</i>	<i>Mata Pelajaran</i>
1.	900	Pengajian Am
2.	910	Bahasa Melayu
3.	911	Bahasa Cina
4.	912	Bahasa Tamil
5.	913	Bahasa Arab
6.	920	<i>Literature in English</i>
7.	922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif
8.	930	Syariah
9.	931	Usuluddin
10.	940	Sejarah
11.	942	Geografi
12.	944	Ekonomi
13.	946	Pengajian Perniagaan
14.	948	Perakaunan
15.	950	<i>Mathematics (M)</i>
16.	954	<i>Mathematics (T)</i>
17.	958	<i>Information and Communications Technology</i>
18.	960	<i>Physics</i>
19.	962	<i>Chemistry</i>
20.	964	<i>Biology</i>
21.	966	Sains Sukan
22.	970	Seni Visual

---

**Catatan:** Maklumat lanjut sila rujuk Peraturan dan Skema Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2019 dan sukatan pelajaran peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkenaan bagi tujuan pemilihan mata pelajaran dan kertas yang dipilih yang boleh didapati dan dimuat turun daripada portal MPM.

#### 4. PEMILIHAN MATA PELAJARAN

- 4.1 Sijil STPM merupakan sijil terbuka.
- 4.2 Dalam satu sesi peperiksaan calon boleh mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dan selebih-lebihnya lima mata pelajaran. Jika calon mengambil lima mata pelajaran, satu daripadanya mestilah Pengajian Am.
- 4.3 Calon tidak boleh mengambil kombinasi mata pelajaran atau kertas yang tidak dibenarkan oleh sukatan pelajaran peperiksaan.
- 4.4 Calon jenis 1, 7, dan 8 **dibenarkan** untuk mengambil mata pelajaran yang tidak ditawarkan di sekolah/institusi (luar pakej sekolah) dengan syarat mata pelajaran yang hendak diambil itu mempunyai **kertas peperiksaan alternatif bertulis** yang menggantikan Kerja Kursus. Namun demikian, kelulusan untuk mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis ini di sekolah perlu **mendapat kebenaran MPM secara bertulis**. Pengetua sekolah bertanggungjawab memaklumkan kepada JPN berkenaan perkara ini. Pendaftaran calon yang ingin mengambil mata pelajaran yang tidak ditawarkan di sekolah/institusi hendaklah dihantar terus oleh Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) sebelum tarikh tutup pendaftaran semester 1 dan salinan ke JPN. Sekolah **tidak dibenarkan** meneruskan tawaran peperiksaan kertas alternatif bertulis ini sehingga **mendapat kelulusan MPM**.
- 4.5 Maklumat lanjut yang berkaitan dengan pemilihan mata pelajaran dan kertas yang perlu diambil boleh dirujuk dalam Peraturan dan Skema Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2019 dan sukatan pelajaran peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkenaan di portal MPM, <http://www.mpm.edu.my>.

#### 5. KERJA KURSUS (KK) STPM

- 5.1 KK merupakan komponen yang wajib diambil oleh setiap calon dalam sistem pentaksiran baharu STPM. Kegagalan calon menjalankan KK atau menghantar KK pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan keputusan bagi mata pelajaran tersebut diberi kod **X**.
- 5.2 KK terdiri daripada **tiga** bentuk kerja kursus, iaitu kertas projek, kajian lapangan, dan amali sains. Dalam aspek wajaran pula, peratusan wajaran yang ditawarkan dalam KK adalah berbeza mengikut mata pelajaran, iaitu antara 20% hingga 40%.
- 5.3 Manual KK bagi setiap mata pelajaran untuk guru dan calon boleh dimuat turun daripada portal MPM pada semester yang menawarkan KK.
- 5.4 Soalan KK boleh dimuat turun pada semester yang menawarkan KK melalui portal MPM.
- 5.5 Bagi calon STPM 2018 yang gagal memasuki universiti awam (UA) dan ingin memperbaiki keputusan peperiksaan pada STPM 2019, calon dikehendaki menduduki kertas peperiksaan **alternatif bertulis** yang menggantikan KK tersebut (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 25-29 Buku Peraturan Dan Skema Peperiksaan STPM 2019). Namun demikian, sekiranya tidak terdapat kertas peperiksaan alternatif bertulis yang sedemikian bagi sesuatu mata pelajaran, maka calon boleh memilih sama ada hendak melaksanakan KK atau tidak melaksanakannya mengikut pilihan yang berikut:

- (a) Jika calon memilih untuk tidak melaksanakan KK, maka markah KK yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan digunakan untuk skor KK tahun mengulang. Kemudahan ini hanya boleh digunakan **sekali sahaja** dan tidak boleh digunakan sekiranya calon mengulang peperiksaan STPM dua tahun atau lebih selepas menduduki peperiksaan STPM ulangan yang pertama.
- (b) Jika memilih untuk melaksanakan KK yang baharu pada tahun mengulang, maka markah KK yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan terbatal dan tidak boleh merayu untuk diambil markah KK STPM sebelumnya.
- 5.6 Bagi calon yang mengambil **mata pelajaran baharu** berbanding tahun sebelumnya dan tiada markah KK, calon dikehendaki **mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis** yang menggantikan KK. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan KK, calon dikehendaki melaksanakan KK (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman halaman 25-29, Buku Peraturan Dan Skema Peperiksaan STPM 2019).
- 5.7 Maklumat lanjut, sila rujuk Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2019 di portal MPM.

## 6. BAYARAN PEPERIKSAAN STPM

- 6.1 Bayaran asas : **RM120.00**
- 6.2 Bayaran setiap mata pelajaran : **RM90.00**
- 6.3 Caj mengulang peperiksaan bertulis : **RM50.00**  
per kertas
- 6.4 Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan (calon jenis 1, 7, dan 8) **dikecualikan** daripada membayar yuran peperiksaan (Bayaran asas dan bayaran setiap mata pelajaran).
- 6.5 Bagi calon sekolah swasta (calon jenis 2) dan calon persendirian individu (calon jenis 3), bayaran perlu dibuat dengan cara membeli nombor PIN MEC daripada kaunter atau kiosk Bank Simpanan Nasional (BSN) atau secara perbankan internet. Maklumat lanjut sila layari <http://www.mpm.edu.my>
- Nota: **BSN akan mengenakan caj sebanyak RM1.00 bagi setiap pembelian nombor PIN MEC. PIN MEC hanya sah digunakan untuk peperiksaan pada tahun/semester semasa sahaja.**
- 6.6 Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu hendaklah membayar yuran peperiksaan secara sekaligus mengikut kadar berikut.

<i>Kadar Bayaran</i>	
<i>Bilangan mata pelajaran didaftarkan</i>	<i>Kadar bayaran (RM)</i>
1 mata pelajaran	210.00
2 mata pelajaran	300.00
3 mata pelajaran	390.00
4 mata pelajaran	480.00
5 mata pelajaran	570.00



- 6.7 Bayaran yang telah dibuat akan terpapar pada **Penyata Pendaftaran STPM (STPM/PP)** untuk rujukan calon.
- 6.8 Pendaftaran untuk menduduki peperiksaan STPM hanya dibuka pada semester 1 dan semester 2 sahaja. PIN MEC yang dibeli (merangkumi pendaftaran STPM untuk semester 1, semester 2, dan semester 3) hanya boleh digunakan untuk membuat pembayaran peperiksaan STPM pada semester **tahun semasa sahaja** (PIN MEC yang dibeli untuk pendaftaran STPM pada semester 1 akan tamat tempohnya pada tarikh tutup pendaftaran semester 1. Calon yang akan mendaftar STPM pada semester 2 hendaklah membeli PIN MEC pada semester 2).

## 7. CARA PENDAFTARAN CALON PEPERIKSAAN

### 7.1 Calon Sekolah/Institusi

- (a) Pendaftaran calon sekolah/institusi dibuat secara *online* melalui portal MPM, <http://www.mpm.edu.my> atau <http://online.mpm.edu.my>
- (b) Pendaftaran calon sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan untuk menduduki peperiksaan pada semester 1, semester 2, dan semester 3 dibuat **sekaligus** pada semester 1. Calon sekolah kerajaan akan menduduki peperiksaan pada semester yang ditetapkan dan tidak dibenarkan untuk memilih semester bagi tujuan menduduki peperiksaan **kecuali** disebabkan kes-kes tertentu yang mendapat kebenaran daripada MPM.
- (c) Pendaftaran bagi calon sekolah swasta boleh dibuat pada semester 1 atau semester 2. Calon sekolah swasta boleh memilih untuk mendaftar pada semester 1 atau semester 2 dan memilih untuk menduduki peperiksaan sama ada ingin menduduki peperiksaan pada semester semasa atau memilih untuk menduduki peperiksaan sekaligus pada semester 3.
- (d) Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri hendaklah terlebih dahulu mengemaskinikan maklumat sekolah/institusi yang akan menjadi pusat peperiksaan sebelum pendaftaran dibuka.
- (e) Pengetua sekolah/institusi hendaklah memaklumkan nama Setiausaha Peperiksaan (SUP) sekolah/institusinya kepada Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD).
- (f) Taklimat tentang kaedah pendaftaran secara *online* di peringkat daerah kepada semua SUP sekolah/institusi hendaklah diberikan oleh PPD.
- (g) Pihak sekolah/institusi juga boleh mendapatkan maklumat tentang pendaftaran calon peperiksaan untuk sekolah/institusi melalui portal MPM.
- (h) Pihak sekolah/institusi perlu mendapatkan Nama Pengguna dan Kata Laluan daripada Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri untuk masuk ke dalam sistem pendaftaran *online* ini. SUP sekolah/institusi dinasihatkan untuk memuat turun/mencetak **Manual Sekolah** dalam <http://www.mpm.edu.my> yang terpapar pada ikon sekolah untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran *online* tersebut.
- (i) Pengetua sekolah/institusi hendaklah mengarahkan SUP untuk mengurus pendaftaran sekolah/institusinya dengan mengambil tindakan yang berikut:
  - (i) Mengemaskini maklumat sekolah yang terdapat dalam sistem pendaftaran *online*

- (ii) Mengisi data maklumat pendaftaran calon bagi sekolah/institusinya yang ingin menduduki peperiksaan
- (iii) Mengenalpasti calon berkeperluan khas dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota (spastik), pendengaran (kurang dengar/pekak), pertuturan (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan, dan mendaftarkannya bersama-sama dengan calon lain tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah calon berkeperluan khas dan kemudahan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 7**.
- (iv) Memastikan nombor PIN MEC disediakan dengan secukupnya oleh calon sekolah/institusi yang ingin menduduki peperiksaan (bagi calon sekolah swasta sahaja).
- (v) Menyemak maklumat awal pendaftaran calon melalui penyata pendaftaran (STPM/PP) seperti ejaan nama, nombor Kad Pengenalan, pusat untuk menduduki peperiksaan, mata pelajaran, kertas yang diambil dan maklumat lain yang tercatat pada STPM/PP adalah betul, dan mengemaskininya jika terdapat pindaan oleh calon sebelum talian pendaftaran *online* di sekolah ditamatkan. STPM/PP ini boleh digunakan sebagai bukti pendaftaran telah dibuat bagi menuntut Slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) calon (jika maklumat calon tiada dalam semakan LPKC di portal MPM).
- (vi) Memastikan data maklumat pendaftaran calon adalah betul sebelum talian pendaftaran *online* di sekolah/institusi ditamatkan
- (vii) Menyemak Slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) bagi calon sekolah/institusinya dan memastikan LPKC dicetak oleh calon sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan (rujuk para 10.2)
- (viii) Memaklumkan maklumat calon sekolah/institusinya yang tercicir kepada Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri atau MPM jika terdapat calon yang telah didaftarkan tiada dalam semakan LPKC dengan kadar **SEGERA**
- (ix) Mematuhi tarikh akhir talian pendaftaran *online* dibuka dan penghantaran maklumat pendaftaran/bahan/dokumen pendaftaran yang berkaitan seperti yang telah ditetapkan oleh Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri.

## 7.2 Calon Persendirian individu

- (a) Pendaftaran calon persendirian individu dibuat secara *online* melalui portal MPM, <http://www.mpm.edu.my> atau <http://online.mpm.edu.my>
- (b) Pendaftaran bagi calon persendirian individu boleh dibuat pada semester 1 atau semester 2. Calon persendirian individu boleh memilih untuk mendaftar pada semester 1 atau semester 2 dan memilih untuk menduduki peperiksaan sama ada ingin menduduki peperiksaan pada semester semasa atau memilih untuk menduduki peperiksaan sekaligus pada semester 3.
- (c) Calon persendirian individu dinasihatkan supaya mendapatkan maklumat tentang pendaftaran peperiksaan melalui portal MPM dan merujuk kepada **Manual Calon Persendirian Individu** yang terpapar pada <http://www.mpm.edu.my> / manual pengguna untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran *online* tersebut.

- (d) Calon boleh memilih pusat peperiksaan yang dikehendaki semasa membuat pendaftaran secara *online* tetapi **penentuan pusat adalah tertakluk kepada Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri**. Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri berhak untuk memindahkan calon persendirian individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.
- (e) **Menyemak maklumat awal pendaftaran** melalui slip pendaftaran STPM/PP seperti ejaan nama, nombor Kad Pengenalan, pusat untuk menduduki peperiksaan, mata pelajaran, kertas yang diambil dan maklumat lain yang tercatat pada STPM/PP adalah betul, dan mengemaskinikannya sendiri sebelum talian pendaftaran *online* ditutup. STPM/PP ini boleh digunakan sebagai bukti pendaftaran telah dibuat bagi menuntut Slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) calon (jika maklumat calon tiada dalam semakan LPKC di portal MPM). (Rujuk para 10.2)
- (f) Calon berkeperluan khas dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota (spastik), pendengaran (kurang dengar/pekak), pertuturan (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan juga mendaftar secara *online* tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah calon berkeperluan khas dan kemudahan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 7**.

## 8. CALON BERKEPERLUAN KHAS

- 8.1 Calon berkeperluan khas dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota (spastik), pendengaran (kurang dengar/pekak), pertuturan (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan kepada MPM melalui Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri dengan kadar **SEGERA**.
- 8.2 Maklumat tentang ketidakupayaan dan kemudahan yang dipohon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam borang **STPM/K11.1** atau **STPM/K13 (Pindaan 2006)** mengikut jenis ketidakupayaan. Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan Pengetua (jika calon sekolah/institusi). **Kemudahan yang boleh diberikan kepada calon istimewa hanya akan dipertimbang jika borang STPM/K11.1 atau STPM/K13(Pindaan 2006) diterima oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.**
- 8.3 Borang **STPM/K11.1** atau **STPM/K13(Pindaan 2006)** dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM atau semasa membuat pendaftaran secara online. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar berserta dengan salinan dokumen sokongan ke MPM melalui Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (alamat Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri dapat diperoleh daripada portal MPM).  
Untuk mendapatkan borang yang berkaitan, sila klik borang **STPM/K11.1** atau **STPM/K13 (Pindaan 2006)**.

## 9. TARIKH PENDAFTARAN DAN TARIKH PEPERIKSAAN

Sila rujuk Kalendar Peperiksaan STPM 2019 di portal Majlis Peperiksaan Malaysia.

## 10. PERKARA-PERKARA PENTING TENTANG PEPERIKSAAN STPM

### 10.1 Penyata Pendaftaran STPM (STPM/PP)

- (a) Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui STPM/PP yang dapat diperoleh dan dicetak setelah calon berjaya membuat pendaftaran secara *online*. Bagi calon sekolah/institusi, jika terdapat sebarang pindaan pada nombor Kad Pengenalan, ejaan nama, alamat, pusat untuk menduduki peperiksaan, mata pelajaran, dan kertas yang diambil, sila kemukakan pindaan tersebut kepada SUP sekolah/institusi untuk dikemaskinikan secara *online*.
- (b) Calon persendirian individu perlu mengemaskini butiran pendaftaran sendiri secara *online*.
- (c) Calon bertanggungjawab menentukan bahawa semua butiran dan maklumat yang dimasukkan dalam sistem pendaftaran dalam talian adalah betul dengan menyemak maklumat pendaftaran yang tercatat pada **Penyata Pendaftaran (STPM/PP)**.
- (d) Calon boleh menyemak status pendaftaran STPM mereka dengan melayari portal MPM melalui semakan pada Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) atau melalui sistem mesej singkat (SMS) dengan menaip **INFOSTPM<jarak><nombor kad pengenalan>**, dan menghantarnya ke talian **15888**. Semakan LPKC hendaklah dibuat pada setiap semester calon menduduki peperiksaan.

### 10.2 Slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC)

- (a) Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki peperiksaan semester 1 STPM 2019 akan diberitahu kepada calon dalam slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) melalui portal MPM. **Tarikh penyemakan LPKC untuk peperiksaan semester 1, semester 2, semester 3, ulangan 1, dan ulangan 2 akan diberitahu di portal MPM.** LPKC Calon yang mendaftar lewat kerana gagal memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) juga akan diberitahu kemudian di portal MPM. Jika maklumat calon tiada dalam senarai LPKC, sila hubungi terus MPM dengan kadar **SEGERA**. Bagi calon sekolah/institusi, sila hubungi MPM melalui Pengetua sekolah/institusi masing-masing.
- (b) Calon jenis 2 dan 3 **perlu mencetak LPKC** masing-masing pada **setiap semester** untuk **dibawa ke pusat peperiksaan** sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan. Bagi calon jenis 1, 7, dan 8, semakan boleh dibuat **secara berkelompok** melalui Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi. Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi hendaklah menyediakan buku rekod akuan bahawa semua calonnya telah menyemak LPKC masing-masing. Namun demikian, bagi calon jenis 1, 7, dan 8, calon tidak perlu mencetak LPKC untuk dibawa ke pusat peperiksaan tetapi memadai membawa Kad Pengenalan masing-masing bagi menggantikan LPKC sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan.
- (c) Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada LPKC seperti nombor Kad Pengenalan, ejaan nama, angka giliran, pusat untuk menduduki peperiksaan, mata pelajaran dan kertas yang diambil. Jika terdapat kesilapan, calon dikehendaki membuat pindaan pada slip LPKC tersebut dan mengemukakan salinannya berserta dengan salinan Kad Pengenalan kepada MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) melalui Pengetua sekolah/institusi masing-masing bagi calon sekolah/institusi. Bagi calon persendirian individu, pembetulan tersebut hendaklah dikemukakan terus ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET).

- (d) Semua Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/calon diingatkan bahawa sebarang pindaan atau pembetulan maklumat hendaklah dilakukan **selewat-lewatnya dua minggu** selepas tarikh Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) dimuat naik pada **semester 1** melalui portal MPM. Caj **RM50.00** akan dikenakan jika pembetulan maklumat dilakukan selepas tempoh tersebut. (Rujuk tarikh LPKC dimuat naik dalam portal MPM)
- (e) Calon bertanggungjawab menentukan bahawa semua butiran dalam LPKC masing-masing adalah betul. Calon hendaklah menggunakan nombor kad pengenalan yang sama seperti yang tertera pada LPKC semasa peperiksaan kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan Pengawas peperiksaan kelak dan akan menyusahkan calon sendiri.
- (f) Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/Calon hendaklah menghubungi MPM atau Jabatan Pendidikan Negeri (u.p Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) jika maklumat calon tiada dalam senarai semakan LPKC dengan kadar **SEGERA**.

### 10.3 Menukar/Menambah/Menggugurkan Mata Pelajaran/Kertas

- (a) Jika calon telah mendaftar bagi sesuatu mata pelajaran dan ingin menukar mata pelajaran itu dengan mata pelajaran yang lain **selepas tamat tempoh pendaftaran**, caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan. Penukaran mata pelajaran selepas tamat tempoh pendaftaran hendaklah dikemukakan **selewat-lewat dua bulan** dari tarikh tutup pendaftaran bagi sesuatu semester yang berkenaan. Penukaran mata pelajaran hanya boleh dibuat **pada semester calon membuat pendaftaran sahaja**. Penukaran mata pelajaran **selepas dua bulan** daripada tarikh tutup pendaftaran **tidak akan dilayan**.
- (b) Calon jenis 1, 7, dan 8 yang berhasrat untuk menambah mata pelajaran (*calon dibenarkan mengambil maksimum lima mata pelajaran sahaja termasuk Pengajian Am*) selepas tarikh pendaftaran ditutup akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00**. Permohonan penambahan mata pelajaran hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya tiga bulan sebelum peperiksaan semester 2 bermula**.
- (c) Calon jenis 2 dan 3 yang ingin menambah mata pelajaran (calon dibenarkan mengambil maksimum lima mata pelajaran sahaja termasuk Pengajian Am) selepas tarikh pendaftaran ditutup akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00** di samping caj bagi mata pelajaran yang ditambah, iaitu sebanyak **RM90.00** per mata pelajaran. Penambahan mata pelajaran hanya boleh dibuat **pada semester calon membuat pendaftaran sahaja**.
- (d) Calon jenis 1, 7, dan 8 yang berhasrat untuk menambah mata pelajaran dinasihatkan untuk menambah mata pelajaran yang ada ditawarkan di sekolah/institusi masing-masing. Sekiranya mata pelajaran yang hendak ditambah tidak ditawarkan di sekolah, calon hendaklah memilih mata pelajaran yang mempunyai **kertas peperiksaan alternatif bertulis**.
- (e) **Penambahan** mata pelajaran selepas tamat tempoh pendaftaran hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya dua bulan** dari tarikh tutup pendaftaran bagi sesuatu semester yang berkenaan. Caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan di samping caj bagi mata pelajaran yang ditambah.
- (f) Calon STPM 2018 yang lewat mendaftar STPM 2019 disebabkan gagal memasuki IPTA (sila kemukakan bukti penolakan IPTA) boleh mendaftar dalam tempoh **satu** minggu selepas keputusan kemasukan ke IPTA diumumkan, tetapi **tidak dibenarkan** untuk menukar atau menambah mata pelajaran **yang telah didaftarkan**.

- (g) Calon boleh menggugurkan sesuatu mata pelajaran tetapi bayaran bagi mata pelajaran yang digugurkan itu **tidak** akan dikembalikan. Calon **tidak** dibenarkan untuk menggugurkan mata pelajaran **sekiranya peperiksaan bagi salah satu kertas** untuk mata pelajaran tersebut **telah diadakan**.
- (h) Calon jenis 1, 2, 7, dan 8 yang ingin menukar/menambah/menggugurkan mata pelajaran hendaklah mengemukakan permohonan ke MPM melalui Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi dan memberi salinan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (Unit Penilaian dan Peperiksaan) dan Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor Penilaian dan Peperiksaan). Borang tukar/tambah/gugur mata pelajaran boleh dimuat turun dan dicetak daripada portal MPM.

#### 10.4 Perpindahan Pusat Peperiksaan

- (a) Perpindahan dari satu pusat peperiksaan ke satu pusat peperiksaan yang lain hanya akan dibenarkan jika alasan yang dikemukakan oleh calon adalah munasabah. Pemohon hendaklah melengkapkan borang **Permohonan Perpindahan Pusat Peperiksaan (STPM/K14)** yang dapat diperoleh dan dicetak daripada laman portal MPM. Permohonan hendaklah dihantar ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) melalui Pengetua Sekolah dan memaklumkan kepada Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri.
- (b) Permohonan untuk berpindah ke pusat peperiksaan yang lain hendaklah dikemukakan tidak lewat dari **4 minggu** sebelum hari pertama peperiksaan bagi sesuatu semester bermula. **Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan**.
- (c) Bayaran perpindahan pusat peperiksaan ialah **RM50.00** dan dibuat dalam bentuk **Wang Pos/Kiriman Wang atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Bayaran akan dikembalikan jika permohonan tidak diluluskan.
- (d) Calon yang telah diluluskan perpindahan pusat peperiksaan mestilah mengambil peperiksaan di pusat yang baharu dengan menggunakan nombor pusat dan angka giliran yang baharu (LPKC baharu).
- (e) Calon yang masih belum menerima kelulusan perpindahan pusat peperiksaan dalam tempoh seminggu sebelum peperiksaan bertulis bagi sesuatu semester bermula hendaklah menghubungi Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri atau MPM dengan kadar **SEGERA**.

#### 10.5 Penarikan Diri

- (a) Calon yang menarik diri daripada mengambil peperiksaan **tidak** akan dikembalikan yuran peperiksaannya.
- (b) Yuran peperiksaan hanya akan dikembalikan bagi kes yang berikut:
  - (i) Calon yang sakit berpanjangan dan dapat mengemukakan surat pengesahan tentang penyakitnya oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.
  - (ii) Calon yang meninggal dunia (salinan surat perakuan kematian hendaklah dikemukakan oleh ahli keluarga atau wakilnya).
  - (iii) Atas sebab yang munasabah, tertakluk kepada keputusan MPM.

- (c) Calon/waris yang ingin menuntut pengembalian yuran STPM hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Ketua Eksekutif MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET) berserta dengan slip pembelian pin MEC atau resit pembelian wang pos/kiriman wang.
- (d) Jumlah yuran yang akan dikembalikan dalam perkara b(i–iii) di atas akan ditentukan oleh MPM.

#### 10.6 Penangguhan Peperiksaan

- (a) Calon yang ingin menangguhkan peperiksaan pada mana-mana semester (kecuali peperiksaan ulangan) hendaklah mengemukakan permohonannya **secara bertulis kepada Ketua Eksekutif, MPM** dengan memberikan sebab yang munasabah dan menyertakan bukti kepada MPM **sebulan sebelum tarikh peperiksaan** tersebut bermula. Kelulusan permohonan untuk menangguhkan peperiksaan ini tertakluk kepada pertimbangan MPM.
- (b) Calon yang diluluskan oleh MPM untuk menangguhkan peperiksaan pada semester 1 atau semester 2 hendaklah menduduki peperiksaan ulangan semester 1 atau ulangan semester 2 peperiksaan STPM pada semester 3 tahun yang sama. **Tiada Penangguhan** untuk peperiksaan semester 3 (calon **mesti** menduduki peperiksaan semester 3)

### 11. JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN

- 11.1 Peperiksaan bertulis akan diadakan pada setiap akhir semester, manakala Ujian Lisan Bahasa Arab (ULBA) akan diadakan pada semester 3 dan peperiksaan kertas melukis bagi Seni Visual akan diadakan pada semester 2.
- 11.2 Jadual waktu peperiksaan bertulis STPM untuk semester 1, semester 2, dan semester 3 boleh dirujuk pada portal MPM pada tarikh pendaftaran semester 1 dibuka. Jadual waktu peperiksaan ulangan 1 dan ulangan 2 boleh dirujuk pada portal MPM pada tarikh pendaftaran ulangan 1 dibuka.
- 11.3 Kertas yang terlibat dengan pertembungan perlu diduduki oleh calon pada hari yang sama. Calon yang terlibat dengan pertembungan masa peperiksaan hendaklah mendapatkan keterangan lanjut daripada Ketua Pengawas. Ketua Pengawas akan memaklumkan calon tentang waktu peperiksaan bagi kertas yang bertembung itu.
- 11.4 Calon boleh menyemak jadual waktu peperiksaan STPM dengan memuat turun dan mencetaknya daripada portal MPM.

### 12. KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

- 12.1 Keputusan bagi ketiga-tiga semester yang menunjukkan gred kertas akan dimuat naik ke portal MPM mengikut semester. Calon boleh mencetak slip keputusan masing-masing dari portal tersebut. Keputusan ini boleh juga disemak melalui SMS. Untuk menghantar SMS, taip **STPM<jarak><nombor kad pengenalan>**, dan hantar ke **15888**.
- 12.2 Keputusan keseluruhan peperiksaan bagi semua semester yang digabungkan yang menunjukkan gred kertas, gred mata pelajaran, dan nilai gred mata pelajaran akan dikeluarkan semasa pengumuman keputusan peperiksaan STPM melalui Pengarah Pendidikan Negeri (Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) dalam bentuk slip keputusan STPM (slip keputusan ini bukan sijil). Calon boleh juga menyemak keputusan STPM masing-masing melalui portal MPM dan SMS.

### 13. RAYUAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

- 13.1 Rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan semester sama ada oleh calon sekolah atau calon persendirian individu hendaklah dikemukakan terus ke MPM secara atas talian dengan membeli nombor PIN MEC daripada Bank Simpanan Nasional. Maklumat lanjut berkaitan dengan rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan boleh didapati daripada portal MPM.
- 13.2 Rayuan penyemakan semula keputusan akan dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00** bagi satu kertas.
- 13.3 **Tiada** rayuan penyemakan semula untuk **kertas peperiksaan alternatif bertulis, Kerja Kursus, dan kertas peperiksaan ulangan.**

### 14. PELUANG MEMPERBAIKI KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

- 14.1 **Tiada** prasyarat kelulusan gred minimum dalam sesuatu semester untuk melayakkan pelajar mengikuti pengajian pada semester yang berikutnya.
- 14.2 Calon hanya dibenarkan mengulang peperiksaan bertulis semester 1 dan/atau peperiksaan bertulis semester 2 bagi tujuan memperbaiki keputusan peperiksaan berkenaan pada hujung **semester 3 sahaja**. Peluang untuk menduduki peperiksaan ulangan bagi semester yang berkenaan **hanya sekali sahaja**.
- 14.3 Keputusan peperiksaan yang terbaik (skor tertinggi) akan diambil kira antara peperiksaan bertulis yang diduduki kali pertama dengan kali kedua.
- 14.4 Calon yang ingin mengulang peperiksaan bertulis sesuatu semester akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00** per kertas. Calon hendaklah membeli PIN MEC untuk nombor mendaftar peperiksaan ulangan.
- 14.5 **Tiada** peperiksaan ulangan bagi Kerja Kursus dan juga kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus serta **semua kertas bertulis** Semester 3.
- 14.6 Calon yang **tidak hadir** dalam peperiksaan semester dengan alasan yang tidak munasabah dan calon yang disabitkan dengan kes salah laku **tidak** dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan. Ini kerana peperiksaan STPM merupakan peperiksaan awam yang diiktiraf.
- 14.7 Calon yang hendak menukar mata pelajaran yang telah didaftarkan bagi peperiksaan ulangan **selepas tarikh tutup pendaftaran**, caj sebanyak RM50.00 akan dikenakan. Calon yang ingin menukar mata pelajaran **dua bulan selepas tarikh tutup pendaftaran tidak akan dilayan.**



## 15. PENDAFTARAN LEWAT

- 15.1 Pendaftaran lewat hanya dibenarkan kepada calon yang gagal memasuki UA.
- 15.2 Calon hendaklah membuat pendaftaran lewat dalam tempoh **satu minggu** selepas keputusan kemasukan ke UA dikeluarkan. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis berserta dengan bayaran pendaftaran dalam bentuk Kiriman Wang (*Money order*) atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia terus ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) dengan kadar **SEGERA**.
- 15.3 Calon yang **mendaftar lewat** bagi kes ini hendaklah menduduki peperiksaan bagi ketiga-tiga semester **sekali gus pada semester 3**.
- 15.4 Calon yang mendaftar lewat sebagai calon jenis 2 atau calon jenis 3 dikehendaki untuk menduduki kertas peperiksaan **alternatif bertulis** yang menggantikan Kerja Kursus tersebut (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman halaman 25-29). Namun demikian, sekiranya **tidak** terdapat kertas alternatif bertulis yang sedemikian bagi sesuatu mata pelajaran, maka calon boleh memilih sama ada hendak melaksanakan Kerja Kursus atau **tidak** melaksanakannya mengikut pilihan yang berikut:
- (a) Jika calon memilih untuk **tidak** melaksanakan KK, maka markah KK yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan digunakan untuk skor KK tahun mengulang. Kemudahan ini hanya boleh digunakan **sekali sahaja** dan **tidak** boleh digunakan sekiranya calon mengulang peperiksaan STPM dua tahun atau lebih selepas menduduki peperiksaan pertama.
  - (b) Jika memilih untuk melaksanakan KK yang baharu pada tahun mengulang, maka markah KK yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan terbatal dan **tidak** boleh merayu untuk diambil markah Kerja Kursus STPM sebelumnya.
- 15.5 Calon yang mendaftar lewat juga dikehendaki menyiapkan KK mengikut keperluan mata pelajaran yang diambil (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 25-29, Buku Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2019). Mekanisme pelaksanaan dan penghantaran Kerja Kursus bagi calon yang mendaftar lewat bagi kes ini akan ditentukan oleh MPM. Sila hubungi Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengendalian STPM dan MUET, MPM.
- 15.6 Bagi calon jenis 2 dan calon jenis 3 yang mengambil mata pelajaran baharu berbanding mata pelajaran tahun lepas dan **tiada** markah KK tahun sebelumnya, calon juga dikehendaki mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan KK. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut **tidak** menawarkan kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan KK, calon dikehendaki melaksanakan KK (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 25-29, Buku Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2019).
- 15.7 Calon hendaklah merujuk kepada sukatan pelajaran peperiksaan STPM untuk mendapatkan maklumat tentang KK. Manual KK boleh dirujuk pada portal MPM.

## 16. SIJIL

- 16.1 Sijil akan dianugerahkan kepada calon yang mendapat sekurang-kurangnya lulus sebahagian dalam satu mata pelajaran (rujuk para 16.5 pada halaman 15, Buku Peraturan Dan Skema Peperiksaan STPM 2019). Semua sijil akan dikeluarkan melalui Pengarah Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) selewat-lewatnya pada 30 Jun 2020.
- 16.2 Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan hendaklah mengambil sijil mereka di sekolah masing-masing.
- 16.3 Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu hendaklah mengambil sijil mereka di Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) masing-masing.
- 16.4 Calon diberi tempoh 24 bulan (2 tahun) selepas sijil dihantar kepada Pengarah Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) untuk mengambil sijil mereka. Selepas tempoh tersebut, pihak sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) akan mengembalikan sijil yang tidak dituntut ke MPM. Calon yang ingin mendapatkan sijil selepas tempoh tersebut hendaklah berurusan terus dengan MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) dan akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00**. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan kiriman wang (*money order*) atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**.
- 16.5 Sijil STPM hanya dikeluarkan **sekali sahaja** bagi tahun peperiksaan berkenaan, iaitu selepas calon selesai menduduki peperiksaan bagi ketiga-tiga semester. Calon yang kehilangan sijil hanya boleh memohon untuk mendapatkan penyata keputusan atau salinan sijil. Permohonan ini hendaklah disertai maklumat calon, seperti nama penuh, nama sekolah (jika ada), tahun peperiksaan diambil, nama pusat peperiksaan, nombor kad pengenalan, dan angka giliran.
- Caj sebanyak **RM20.00** bagi satu penyata keputusan akan dikenakan bagi permohonan kali pertama, **RM30.00** bagi permohonan kali kedua, dan **RM50.00** bagi permohonan kali ketiga dan seterusnya. Bagi **salinan sijil**, caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan bagi setiap permohonan. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan kiriman wang (*money order*) atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**.
- 16.6 Calon yang ingin mendapatkan transkrip sijil STPM dalam versi bahasa Inggeris hendaklah mengemukakan bahan yang berikut:
- Surat permohonan transkrip sijil yang menyatakan alamat universiti luar negara yang dipohon
  - Salinan slip keputusan atau salinan sijil
  - Bayaran perkhidmatan sebanyak **RM50.00** bagi setiap transkrip yang dibuat secara kiriman wang (*money order*) atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**
- 16.7 Transkrip sijil STPM dalam versi bahasa Inggeris akan dihantar terus oleh MPM kepada universiti/institusi yang berkenaan. Salinan transkrip dan salinan surat tentang penghantaran transkrip kepada universiti berkenaan akan dihantar kepada calon.
- 16.8 Sekiranya terdapat sebab tertentu keputusan calon dibatalkan, MPM berhak menarik balik sijil STPM yang telah dikeluarkan kepada calon.

**HALAMAN KOSONG**



Majlis Peperiksaan Malaysia  
Persiaran 1  
Bandar Baru Selayang  
68100 BATU CAVES  
Selangor, Darul Ehsan  
[www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my)  
0361261600  
0361367329  
Edisi April 2018